

UNTUK SIARAN SEGERA

22 NOVEMBER 2019

## **UEM Edgenta Kekal Momentum Pertumbuhan dengan Kenaikan Pendapatan Sebanyak 11% untuk Sembilan Bulan Pertama 2019**

- Bahagian *Healthcare Support* terus memacu pendapatan UEM Edgenta; menyumbang 50% terhadap pendapatan dan keuntungan Syarikat untuk sembilan bulan pertama bagi tahun kewangan 2019.

**KUALA LUMPUR, 22 November** - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini mengumumkan Keputusan Kewangan Yang Tidak Diaudit untuk sembilan bulan pertama bagi tahun kewangan 2019 (“9M TK2019”) di sini hari ini.

Dalam tempoh tinjauan tersebut, UEM Edgenta terus mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun (“y-o-y”) dengan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM1.7 bilion dan RM118.7 juta, masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 11% dan 3% berbanding RM1.5 bilion dan RM115.3 juta untuk sembilan bulan pertama tahun kewangan 2018 (“9M TK2018”). Keuntungan bersih untuk 9M TK2019 berjumlah RM85.4 juta, berbanding RM83.1 juta pada tahun sebelumnya.

Bahagian *Healthcare Support* di bawah segmen *Asset Management* Syarikat terus memacu pendapatan UEM Edgenta dengan sumbangan sebanyak 50% yang dicatatkan dalam kedua-dua pendapatan dan PBT untuk 9M TK2019. Pendapatan dan pertumbuhan PBT untuk bahagian tersebut melonjak sebanyak 16% berdasarkan y-o-y menerusi sumbangan kontrak-kontrak baharu yang diperolehi oleh Syarikat. Bahagian *Healthcare Support* Syarikat kini menyediakan perkhidmatan kepada lebih daripada 300 hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India.

Pada suku ketiga TK2019 (“Q3 TK2019”), pendapatan dan PBT juga berkembang pada kadar yang sama sebanyak 11% dan 3% berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya (“Q3 TK2018”), masing-masing kepada RM587.6 juta dan RM25.9 juta. Tinjauan suku tahun tersebut

mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM17.3 juta. Semua bahagian dalam Syarikat mencatatkan pertumbuhan pendapatan pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keuntungan agak perlahan, ekoran daripada tekanan luar yang dihadapi oleh perniagaan berkaitan infrastruktur, di mana Bahagian *Asset Consultancy* mencatatkan sedikit kerugian sebanyak RM0.9 juta, manakala keuntungan *Infrastructure Services* menurun ekoran daripada peningkatan kos operasi.

Lembaran imbangan UEM Edgenta terus kukuh dengan aset bersih sesaham sebanyak RM1.77 dan nisbah gearan kasar kekal tidak berubah pada 0.36x sepanjang tahun. Pulangan ekuiti meningkat kepada 10.5% pada 9M TK2019 berbanding 9.6% pada akhir TK2018.

“Kami menyediakan rangkaian perkhidmatan dengan cekap dan berhasrat untuk mengekalkannya atau meningkatkan lagi prestasi meskipun berhadapan dengan situasi ekonomi dan politik global yang kian mencabar. Selain itu, kami juga melabur dalam teknologi menerusi sistem Perusahaan Perancangan Sumber Daya (“ERP”) yang baru dilancarkan dan membolehkan kami untuk memproses data dengan lebih cepat, memperoleh maklumat dengan lebih mudah dan berupaya untuk membuat keputusan dengan lebih baik selaras untuk meningkatkan kecekapan tenaga kerja dan operasi”, kata Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Dato’ Azmir juga berkata bahawa Syarikat akan terus mengambil langkah berjaga-jaga dengan pelbagai cabaran yang dihadapi menerusi segmen perniagaannya terutama dalam sektor dan pasaran yang sedia ada, dan akan menerokai peluang-peluang perniagaan baharu serta penyelesaian teknologi untuk menguruskan kitaran hayat aset pelanggannya dengan lebih baik.

Dalam segmen *Asset Management*, bahagian *Healthcare Support* UEM Edgenta menunjukkan kemajuan dengan memperoleh kontrak baharu di Singapura dan Taiwan, manakala bahagian *Property & Facility Solutions* juga optimistik terhadap prospek perniagaan untuk memperoleh peluang-peluang perniagaan dalam kemudahan industri yang berskala besar.

Segmen *Infrastructure Solution* Syarikat, yang sebahagian besarnya diwakili oleh bahagian *Infrastructure Services* akan terus memberi tumpuan untuk mengekalkan margin melalui operasi yang berasaskan kecekapan dalam perniagaan penyelenggaraan lebuh raya di samping menerokai peluang-peluang baharu untuk penyelenggaraan infrastruktur. Sementara itu, bahagian *Asset Consultancy* Syarikat akan terus memberi tumpuan dalam meneruskan kerja-kerja untuk projek Rangkaian Jalan Pesisir Pantai dan Jalan Utama Kedua Sarawak yang diperoleh oleh OPUS Consultants pada awal tahun ini.

UEM Edgenta telah memperoleh beberapa kontrak utama dalam Q3 TK2019 yang merangkumi Kontrak Prestasi Tenaga (“EPC”) di Malaysia untuk Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah serta projek Reka Bentuk & Pembinaan loji rawatan kumbahan di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan; manakala di Singapura, Perkhidmatan Sokongan Penjagaan Kesihatan untuk Hospital Besar Sengkang, Hospital Komuniti Sengkang dan rangkaian Poliklinik yang dimiliki SingHealth.

-tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

*Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor ([hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com](mailto:hafiznoor@uemedgenta.uemnet.com) / 019 424 8283 / 03 2725 6946); atau Juliana Jamaluddin ([juliana.jamaluddin@uemnet.com](mailto:juliana.jamaluddin@uemnet.com) / 012 340 9438 / 03 2725 7367)*